

LAPORAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI ATLET MALAYSIA BERHAD

1. KOPERASI ATLET MALAYSIA BERHAD

1.1 Latar Belakang

- (a) Koperasi Atlet Malaysia Berhad ditubuhkan pada 5 November 2009, dan telah didaftarkan sebagai sebuah koperasi asas dengan liability terhad di bawah subseksyen 7(1) Akta Koperasi 1993.
- (b) KAMB telah banyak berkembang sebagai medium pelaburan Yayasan Kebajikan Atlet Kebangsaan (YAKEB) untuk meningkatkan pengumpulan dana di samping meningkatkan taraf sosio ekonomi anggota dengan menjalankan aktiviti perniagaan untuk kepentingan anggota.
- (c) KAMB mula beroperasi bertempat di Aras 2, Stadium Nasional, Kompleks Sukan Negara, Bukit Jalil, Seri Petaling, Kuala Lumpur.
- (d) Selain menganjurkan aktiviti kebajikan sebagai satu daripada tanggungjawab sosial, dan aktiviti riadah untuk mengeratkan hubungan antara Koperasi dan anggota, KAMB juga sedang mengusahakan pelbagai projek lain dalam industri sukan, berpotensi meningkat dan menggalakkan usahawan di kalangan atlet.

1.2 Objektif Penubuhan

- (a) Menurut subseksyen 4(1) Akta, matlamat Koperasi ini ialah untuk meningkatkan kepentingan anggotanya mengikut prinsip koperasi.
- (b) Tiga teras utama penubuhan KAMB.
- Pembangunan Ekonomi dan Usahawan,
 - Pembangunan Modal Insan,
 - Pembangunan Produk.

LAPORAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI ATLET MALAYSIA BERHAD

1.3 Faedah

- (a) Meningkatkan dan menggalak usahawan di kalangan atlet dalam sektor strategik.
- (b) Menyediakan persekitaran yang kondusif untuk memajukan usahawan atlet seperti kemudahan pembiayaan, premis perniagaan, latihan dan bimbingan.
- (c) Meningkatkan penglibatan dalam aktiviti yang mempunyai nilai tambahan tinggi melalui aktiviti R&D untuk meningkatkan lagi kualiti dan pengkomersialan produk.
- (d) Memperluas dan meneruskan penyertaan dalam program pembangunan Francais Vendor dan usahasama.

1.4 Fungsi

- (a) Fungsi utama Koperasi ini ialah **Pertanian**, serta;
- (b) Kerjasama perniagaan antara koperasi dengan koperasi lain.
- (c) Koperasi merebut peluang melalui kerjasama dengan GLC dalam projek-projek pembangunan.
- (d) Mengenalpasti koperasi yang berpotensi untuk dipertingkatkan.
- (e) Agen pemasaran – menggalakkan koperasi sebagai agen pemasaran dan pusat pengumpulan.
- (f) Program satu daerah satu industri – mengenalpasti daerah-daerah yang mempunyai produk koperasi yang boleh dibangunkan dan dikomersialkan.

LAPORAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI ATLET MALAYSIA BERHAD

2. KEANGGOTAAN KOPERASI

Terbuka kepada semua atlet peringkat negeri atau kebangsaan, termasuk atlet kelainan upaya.

2.1 Syarat-syarat keahlian Penuh

- (a) Pemohon hendaklah mengisi borang keahlian, dan menjelaskan yuran pendaftaran sebanyak RM10.00 semasa penyerahan borang keanggotaan. Bayaran ini akan dikembalikan kepada pemohon jika permohonannya ditolak oleh Lembaga.
- (b) Untuk menjadi ahli penuh, pemohon harus membeli saham minima sebanyak RM500.00 (menurut seksyen 28 Akta), yang boleh dibayar secara ansuran selama 5 bulan.
- (c) Keahlian akan terbatal, sekiranya pemohon tidak membeli saham minima dalam masa 5 bulan dari tarikh pendaftaran.
- (d) Bekas anggota yang memohon untuk menjadi anggota semula dikenakan bayaran fi masuk sebanyak RM20.00.

2.2 Penerimaan Menjadi Anggota

Permohonan menjadi anggota hendaklah dipertimbangkan oleh Lembaga dalam mesyuaratnya yang boleh menerima atau menolak sesuatu permohonan itu tanpa menyatakan sebab-sebabnya. Seseorang yang diterima menjadi anggota akan diberitahu secara bertulis dalam tempoh tidak lewat daripada 30 hari selepas penerimaannya itu.

LAPORAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI ATLET MALAYSIA BERHAD

2.3 Liabiliti Anggota

- (a) Liabiliti seseorang anggota hendaklah terhad kepada jumlah syer yang dimilikinya sekiranya pendaftaran koperasi ini dibatalkan.
- (b) Liabiliti seseorang bekas anggota hendaklah tidak berterusan lebih 2 tahun daripada tarikh keanggotaannya terhenti, menurut subseksyen 35 (1) Akta.
- (c) Harta pusaka menurut fasal (3) adalah syer dalam Koperasi ini.

2.4 Hilang Kelayakan Sebagai Anggota

Seseorang anggota akan hilang kelayakannya sebagai anggota jika dalam tempoh menjadi anggota, dia :

- (a) Tidak upaya dari segi mental ;
- (b) Seorang bankrap yang belum dilepaskan ;
- (c) Seseorang yang terhadapnya masih berkuatkuasa satu sabitan kesalahan yang boleh daftar ;
- (d) Telah dibuang daripada menjadi anggota di bawah Akta ini dan suatu tempoh selama setahun belum lagi berlalu dari tarikh pembuangan itu ;
- (e) Tidak lagi bermastautin, mempunyai hartanah dan bekerja dalam kawasan operasi Koperasi.

2.5 Menarik Diri

- (a) Seseorang anggota boleh menarik diri daripada koperasi ini dengan memberi noti bertulis enam bulan terlebih dahulu kepada lembaga. Atas sebab yang munasabah, Lembaga boleh membenarkan penarikan diri dalam tempoh yang singkat.
- (b) melainkan tarikh lebih awal dipersetujui oleh lembaga, maka keanggotaan anggota itu hendaklah terhenti hanya pada hari genap tempoh notisnya.
- (c) dalam tempoh notis itu, anggota yang demikian hendaklah masih mempunyai hak, kewajipan, dan liability sebagai anggota.

2.6 Penggantungan dan pembuangan anggota

- (a) Seseorang anggota hendaklah dianggap telah bertindak memudaratkan kepentingan koperasi dan boleh digantung keanggotaannya jika didapati melakukan mana-mana satu daripada perkara berikut :
- Merujukkan pertikaian atau aduan kepada mana-mana orang selain daripada suruhanjaya.
 - Membuat kenyataan dalam mana-mana akhbar atau media massa mengenai koperasi ini tanpa kebenaran Lembaga.
 - Membuat tuduhan palsu ke atas anggota Lembaga atau anggota atau bekas anggota atau pekerja Koperasi ini.
 - Memburukkan nama Koperasi sehingga menjejaskan imej dan urusan perniagaan Koperasi ini, atau ;
 - Bertindak di luar etika mesyuarat di dalam mana-mana mesyuarat sehingga menjejaskan perjalanan mesyuarat itu.

LAPORAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI ATLET MALAYSIA BERHAD

- (b) Keputusan untuk mengantung keanggotaan seseorang anggota boleh dibuat oleh Lembaga hanya setelah anggota yang berkenaan itu diberitahu secara bertulis mengenai tuduhan yang jelas terhadapnya dan diberi peluang untuk menyatakan sebab mengapa keanggotaannya tidak boleh digantung.
- (c) Tiap-tiap kes pengantungan hendaklah dibentangkan kepada mesyuarat agung perwakilan yang terawal dan dijadikan sebagai agenda pertama, dan anggota yang digantung keanggotaannya itu hendaklah diberitahu secara bertulis tidak kurang daripada lima belas (15) hari sebelum diadakan mesyuarat, berkaitan tarikh, masa, tempat dan haknya untuk membela diri akan dijalankan di mesyuarat itu.
- (d) Sebelum mengesahkan atau menyetujui pengantungan itu, mesyuarat agung perwakilan hendaklah mendengar penjelasan anggota yang digantung oleh Lembaga, jika dia memilih untuk memberi penjelasan, dan keanggotaannya tidak lucut melainkan jika mesyuarat agung perwakilan dengan undi dua pertiga daripada perwakilan yang hadir membuat keputusan membuangnya.

2.7 Jumlah Keanggotaan Koperasi Sehingga 30 Jun 2011.

Jumlah Ahli Penuh : **121 Orang**

Jumlah Saham Dijual : **238 Unit**

3. PENGURUSAN KOPERASI

3.1 Lembaga Koperasi

Lembaga Koperasi hendaklah mengandungi dua belas (12) orang yang terdiri daripada perwakilan yang dipilih oleh mesyuarat agung perwakilan, menurut seksyen 42 Akta dan perenggan (d) fasal (1) undang-undang kecil 33.

3.2 Kelayakan menjadi anggota Lembaga

Tiada seorang pun layak menjadi anggota lembaga atau kekal sebagai anggota lembaga, jika dia:

- (a)** Telah disabitkan atas suatu kesalahan menurut Akta.
- (b)** Telah dipecat sebagai seorang pegawai sesuatu Koperasi.
- (c)** Menjadi anggota Jawatankuasa Audit Dalaman bagi Koperasi ini.
- (d)** Ada percanggahan kepentingan diri dalam mana-mana aktiviti yang diusahakan Koperasi ini, atau ;
- (e)** Belum genap tempoh dua tahun menjadi anggota koperasi yang telah didaftarkan melebihi dua tahun.

LAPORAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI ATLET MALAYSIA BERHAD

3.3 Anggota Lembaga Koperasi

Senarai nama Ahli Lembaga Koperasi beserta jawatan disandang adalah seperti berikut :

Bil	Nama	Jawatan	Tahun Lantikan
1	Dato' Paduka Dr.Hjh Mumtaz Begum Abdul Jaafar	Pengerusi	2009
2	Puan Shamimi Selvarani Abdullah	Setiausaha`	2009
3	Encik Ng Poh Keong	Bendahari	2009
4	Dato' Nashatar Singh A/L Modan Singh	ALK	2009
5	Dato' Abdul Malek Md Noor	ALK	2009
6	Encik Abdul Mohd Khalid Bin Haji Mohd Ali	ALK	2009
7	Encik Shahrudin Jaafar	ALK	2009
8	Encik Maninderjit Singh A/L Maghar Singh	ALK	2009
9	Encik Aminuddin Mohd Nasir	ALK	2009
10	Puan Siti Zaharah Abdul Khalid	ALK	2009
11	Hajah Zaiton Othman	ALK	2009
12	Cik Law King Kiew	ALK	2009

LAPORAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI ATLET MALAYSIA BERHAD

3.4 Senarai nama Jawatankuasa Audit Dalaman

Menurut subseksyen 42A (1) Akta, Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi hendaklah mengandungi tiga (3) orang, terdiri daripada anggota yang dilantik oleh Lembaga, menurut perenggan (g) undang-undang kecil 42.

Bil	Nama	Jawatan	Tahun Lantikan
1	Encik Muhammad Ammar See Abdullah	JKAD	2009
2	Encik Zulkifli Mohd Yatim	JKAD	2009
3	Encik Liew Kean Theong	JKAD	2009

LAPORAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI ATLET MALAYSIA BERHAD

3.5 Keanggotaan mengikut Negeri

Jumlah keseluruhan anggota Koperasi sesi 2009 – 2011 adalah seramai 121 orang. Berikut adalah pecahan keanggotaan mengikut negeri. Senarai nama anggota adalah seperti pada **Lampiran A**.

Negeri	Bilangan
Kedah	7
Kelantan	1
Negeri Sembilan	5
Pahang	1
Penang	7
Perak	10
Sabah	1
Sarawak	1
Selangor	41
Trengganu	2
Wilayah Persekutuan	45
Jumlah Keseluruhan	121

LAPORAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI ATLET MALAYSIA BERHAD

3.6 Staf Koperasi

Bil.	Nama	Jawatan
1	Encik Ramjit Nairulal	Pengurus Kanan
2	Pathi A/L Sinnayah	Eksekutif

Carta organisasi Anggota Lembaga Koperasi sesi 2009-2011 adalah pada **Lampiran B**. Carta organisasi dan fungsi Koperasi seperti pada **Lampiran C**.

LAPORAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI ATLET MALAYSIA BERHAD

4. MESYUARAT ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

4.1 Mesyuarat ALK

ALK telah dapat mengadakan mesyuarat ALK sebanyak 12 kali dan mesyuarat khas 1 kali sepanjang tahun 2009 sehingga 2011. Tarikh-tarikhnya adalah seperti berikut:-

4.1.1 Tahun 2009

- i. 10hb September 2009
- ii. 12hb Oktober 2009
- iii. 24hb Oktober 2009 (Mesyuarat Khas)
- iv. 17hb November 2009
- v. 12hb Disember 2009

4.1.2 Tahun 2010

- i. 24hb Februari 2010
- ii. 19hb April 2010
- iii. 10hb Jun 2010
- iv. 7hb Julai 2010
- v. 27hb Oktober 2010

4.1.3 Tahun 2011

- i. 8hb Januari 2011
- ii. 13hb Jun 2011

LAPORAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI ATLET MALAYSIA BERHAD

4.2 Kehadiran ALK

Kehadiran setiap Anggota Lembaga Koperasi adalah seperti berikut:-

Bil	Nama	Bilangan Mesyuarat		
		2009	2010	2011
1	Dato' Paduka Dr.Hjh Mumtaz Begum Abdul Jaafar	4/5	4/5	2/2
2	Puan Shamimi Selvarani Abdullah	4/5	4/5	2/2
3	Encik Ng Poh Keong	4/5	4/5	2/2
4	Dato' Nashatar Singh A/L Modan Singh	5/5	4/5	1/2
5	Dato' Abdul Malek Md Noor	3/5	3/5	1/2
6	Encik Abdul Mohd Khalid Bin Haji Mohd Ali	2/5	5/5	2/2
7	Encik Shaharudin Jaafar	5/5	4/5	2/2
8	Encik Maninderjit Singh A/L Maghar Singh	3/5	2/5	0/2
9	Encik Aminuddin Mohd Nasir	5/5	4/5	1/2
10	Puan Siti Zaharah Abdul Khalid	5/5	4/5	2/2
11	Hajah Zaiton Othman	5/5	3/5	1/2
12	Cik Law King Kiew	5/5	4/5	2/2

LAPORAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI ATLET MALAYSIA BERHAD

5. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB ALK

5.1 Antara tugas dan tanggungjawab yang dilaksanakan oleh ALK adalah seperti berikut:-

- i. Mentadbir urus Koperasi mengikut lunas-lunas perundangan seperti Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia, peraturan dan Undang-undang Kecil Koperasi Atlet Malaysia Berhad.
- ii. Melantik pemegang jawatan Pengerusi ALK, Bendahari ALK, Setiausaha ALK, Pengerusi dan AJK Biro dan Jawatankuasa Audit Dalam.
- iii. Menggariskan peranan tugas dan tanggungjawab setiap biro yang ditubuhkan serta memastikan setiap biro dapat menjalankan tugas yang diamanahkan dengan lebih efisien.
- iv. Menimbang dan meluluskan notis anggota yang hendak berhenti dan kemasukan anggota baru.
- v. Menimbang, memperakui dan meluluskan kertas projek serta perkara-perkara yang telah dibincangkan atau diputus di peringkat jawatankuasa biro.
- vi. Membuat kajian secara terperinci tentang kesesuaian pelaksanaan cadangan atau usul yang dikemukakan dalam Mesyuarat Agung yang lalu bagi memastikan pelaksanaannya menguntungkan anggota dan Koperasi.
- vii. Bertanggungjawab sebagai penjamin secara individu dan bersama ke atas semua pinjaman wang daripada institusi-institusi kewangan.
- viii. Jurucakap/wakil Koperasi kepada bidang-bidang yang ditentukan.
- ix. Bertanggungjawab kepada urus tadbir dan urus niaga Koperasi dan subsidiari-subsidiari (jika ada).

6. AKTIVITI KOPERASI

6.1 Agrofarm Tanjung Tualang, Komuniti Terbesar & Pertama Seumpamanya Di Malaysia.

- (a) Agrofarm, adalah Projek Penanaman Tembikai Emas di atas tanah seluas 100 ekar di Tanjung Tualang, Perak.
- (b) Bertujuan membekalkan peluang pekerjaan kepada anggota koperasi dan boleh diangkat sebagai pelaburan jangka panjang KAMB.
- (c) Iris menyediakan sepenuhnya teknologi dan kepakaran dalam menguruskan AgroFarm, manakala KAMB pula menyediakan tanah dan tenaga kerja yang terdiri daripada anggota koperasi dan Yayasan Kebajikan Atlet Kebangsaan yang tidak mempunyai perkerjaan tetap.
- (d) Seramai 9 orang anggota koperasi telahpun menghadiri latihan, yang diadakan selama sebulan, bermula 14 Jun 2010, bertempat di Morib (praktikal), manakala Technology Park (teori).
- (e) Menjadikannya lebih efektif, sistematik dan berdaya membuahakan hasil lumayan, ia diuruskan mengguna kaedah **Autopot** - inovasi baru dalam bidang pertanian moden di Malaysia, di mana ia membekalkan nutrien kepada tumbuhan dengan tepat mengikut keperluan secara automatik.

6.1.1 Terkini Dari Ladang Agro-Komuniti

- (a)** Ideanya adalah mewujudkan sebuah Komuniti Agro-Moden, merangkumi Zon Perladangan, Kemudahan Sokongan, Kemudahan Kediaman, serta Agro Pelancongan, dengan kos pelaburan sebanyak RM25 Juta.
- (b)** KAMB berjaya mendapatkan pinjaman sebanyak RM25 Juta daripada sebuah Institusi Kewangan, di bawah Dana Pertanian Komersil (GLC) - bertujuan membiayai kos Projek, merangkumi Sistem Autopot, Peralatan Pertanian, Kompleks Pengurusan dan sebagainya.
- (c)** 80 ekar tanah diperuntukkan untuk tanaman, manakala 20 ekar lagi untuk kemudahan asas. Setakat ini, lebih 20 daripada 80 ekar tanah telah diusahakan untuk penanaman, manakala selebihnya merangkumi pembinaan pejabat pengurusan, rumah penginapan dan rumah rehat pekerja, tempat pembungkusan dan juga Rumah Kalis Hujan (Green House).
- (d)** 80% daripada struktur keseluruhan kompleks sudah siap dan dengan adanya kepakaran serta tenaga kerja terlatih, ia dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh terdekat, sepertimana perancangan awal.
- (e)** Penanaman dilaksanakan secara berperingkat, dengan setiap fasa meliputi 10 ekar, yang mana hasilnya boleh dituai 2 ½ bulan selepas penanaman bermula, dan fasa pertama telahpun menampakkan hasil yang memuaskan.

6.2 Menjalankan aktiviti perniagaan

- (a) KAMB mula berjinak-jinak dalam perniagaan cenderahati, dengan jam tangan Quantum Automatic Quartz – YAKEB merupakan produk pertama perniagaan ini. Ia dilihat sebagai salah satu peluang untuk menjana pendapatan KAMB, yang dijangka tampil dengan variasi pelbagai barangan lain di masa akan datang.
- (b) Selain daripada itu, Koperasi juga telah mula membekal barang sukan kepada beberapa pihak seperti Baju T, Baju FI dan plague

6.3 Menjalankan aktiviti kebajikan anggota dan pendidikan.

- (a) Koperasi Atlet Malaysia Berhad bersama Yayasan Kebajikan Atlet Kebangsaan telah mengadakan sebuah Majlis Berbuka Puasa pada 21 Ogos 2010. Di antaranya ialah menyampaikan sumbangan dan cenderahati kepada atlet yang kurang bernasib baik dan beberapa orang anak yatim di sekitar Lembah Klang.
- (b) Koperasi juga telah menghantar anggota ALK untuk menghadiri kursus wajib yang dianjurkan oleh pihak Maktab Kerjasama Malaysia (MKM), ANGKASA dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) secara perperingkat dan berdasarkan kesesuaian secara individu.

LAPORAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI ATLET MALAYSIA BERHAD

7. PENUTUP

Koperasi Atlet Malaysia Berhad (KAMB) mengucapkan ribuan terima kasih kepada ALK yang telah memberikan mandat, kepercayaan dan dorongan kepada ahli jawatankuasa dan biro koperasi untuk menjalankan segala aktiviti berkaitan.

Terima kasih juga kepada anggota perwakilan dan semua anggota koperasi yang telah memberikan pandangan, cadangan dan kritikan yang membina bagi membolehkan segala tugas dan tanggungjawab dilaksanakan sebaik mungkin.

Tidak lupa juga kepada staff koperasi yang telah berusaha dan memberi kerjasama dalam melaksanakan kegiatan koperasi.